



### KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

No. Tender	Tender	Kelayakan	Lawatan Tapak / Taklimat (Diwajibkan)	Tarikh Jual Dokumen	Harga Senaskah Dokumen	Tarikh Tutup Tender
T/MAIWP/61/2024	PENYENGGARAAN & PEMBAIKAN BERPUSAT BAGI PREMIS MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI ZON BATU					
T/MAIWP/62/2024	PENYENGGARAAN & PEMBAIKAN BERPUSAT BAGI PREMIS MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI ZON TITIWANGSA	Berdaftar Dengan LPIPM (CIDB)  Gred G2  Kategori B & ME  Pengkhususan B24 & M01	20.8.2024 (SELASA)  10:00 pagi  <u>Lokasi:</u>  <b>BILIK PERSIDANGAN AHMAD DAWJEE DADABHOY, ARAS 22, MENARA MAIWP, NO. 55, LORONG HAJI HUSSEIN 2, 50300 KUALA LUMPUR</b>	20.8.2024 (SELASA)  hingga 2.9.2024 (ISNIN)	RM 50.00  (Tidak dikembalikan)	9 .9.2024 (ISNIN)  Jam 12.00 tengah hari
T/MAIWP/63/2024	PENYENGGARAAN & PEMBAIKAN BERPUSAT BAGI PREMIS MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI ZON BANGSAR					

T/MAIWP/64/2024	PENYENGGARAAN & PEMBAIKAN BERPUSAT BAGI PREMIS MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI ZON BANDAR TUN RAZAK					
T/MAIWP/65/2024	PENYENGGARAAN & PEMBAIKAN BERPUSAT BAGI PREMIS MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI ZON SETAPAK					

2. Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak dan hanya **PENAMA** yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.
3. Semakan Dokumen Meja Tender boleh dibuat seperti alamat di bawah dan Dokumen Tender juga boleh dibeli di kaunter tersebut. Waktu operasi kaunter adalah dari pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang bagi Isnin hingga Khamis, manakala pada hari Jumaat dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.45 petang hingga 4.00 petang sahaja.
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** PPK dan SPKK yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera Kontraktor Kerja yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berhak menolak penjualan dokumen jika pada tanggapan MAIWP terdapat mana-mana butiran kelayakan yang tidak layak.
5. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara **KIRIMAN WANG / DRAF BANK** atas nama **MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**.
6. Dokumen Tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender tidak lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan ke alamat di bawah:

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**  
**Kaunter Perolehan Bahagian Kewangan dan Pelaburan**  
**Aras 11, Menara MAIWP,**  
**No. 55 Lorong Haji Hussein 2,**  
**50300 Kuala Lumpur.**

7. Kenyataan Tender telah dipamerkan pada **16 OGOS 2024**.